

Isu Elton John: Pemuda PAS bukan Taliban, malah tidak tiru cara Taliban
The Malaysian Insider
31 Oktober , 2011
Oleh G Manimaran

KUALA LUMPUR, 31 Okt — Ketua Pemuda PAS pusat Nasrudin Hassan mempertahankan kenyataan pihaknya mengenai konsert Elton John bulan depan sambil menegaskan, saya muda parti Islam bukan “Taliban dan tidak meniru pendekatan Taliban.”

Malah kata beliau, Dewan Pemuda PAS juga bukan ekstrem dan menjadi hak mereka untuk mengatakan pendirian mereka tidak bersetuju dengan penganjuran konsert-konsert yang tidak sihat di negara ini.

“Jangan salah faham... kami bukan Taliban, kami juga tidak pernah meniru cara Taliban. Pandangan yang kami lahirkan bukan bermaksud kita bertindak ekstrem, menghalang sesiapa daripada menghadiri konsert, menyerang mana-mana pihak (yang menghadiri konsert)... tidak, tidak,” kata beliau ketika dihubungi The Malaysian Insider hari ini.

Dalam laporan dibawa The Malaysian Insider pagi tadi, bekas mufti Perlis Prof Madya Dr Mohd Asri Zainul Abidin, yang semalam diselar Pemuda PAS sebagai “keterlaluan”, menegaskan beliau tidak pernah mengatakan PAS sebagai Taliban, kecuali menasihatkan parti Islam itu agar “jangan tiru Taliban” dalam pendirian mereka menentang konsert artis itu di Malaysia bukan depan.

“Saya tidak kata PAS Taliban, saya kata jangan tiru Taliban,” katanya.

Petang semalam, Nasrudin (gambar) menyelar Asri yang mengaitkan sayap itu dengan Taliban ekoran pendirian mereka membantah penganjuran konsert artis, yang dikaitkan dengan amalan gay, di Genting Highlands akhir bulan depan.

Sambil menganggap pandangan Asri sebagai “belum mengenali Pemuda PAS”, Nasrudin berkata, bekas mufti itu juga boleh memberi tanggapan salah masyarakat terhadap sayap PAS.

Sambil menekankan bahawa pihaknya tiada kuasa untuk membatalkan atau menghalang konsert-konsert yang tidak sesuai mengikut nilai negara ini, Nasrudin berkata, pandangan yang pihaknya lahirkan selama ini termasuk dalam isu konser Elton John bertujuan menyatakan pendirian tidak bersetuju.

Justeru itu kata beliau, adalah tidak bagi mana-mana pihak mengatakan Pemuda PAS sebagai ekstrem ataupun mengikut langkah golongan Taliban.

“Ini bukan kali pertama kami mengambil pendirian seperti ini. Sebelum ini pun ada. Lagi pun bukan semua konsert kami membantah. Malah golongan bukan Muslim juga setuju anak mereka terikut-ikut dengan perkara tidak sihat,” kata beliau.

Ketika ditanya sama ada tindakan mereka akan menjejaskan peluang partinya dalam pilihan raya umum ke-13, Nasrudin berkata, “tidak, tidak... saya percaya tidak.”

“Ini kerana mereka yang dekat dengan kami, aktiviti pergerakan Pemuda PAS akan faham

pendirian kami. Oleh itu, kami pasti tidak," katanya.

"Orang ramai perlu tahu bahawa kami membantah konsert hanya untuk mengatakan rasa tidak bersetuju kami, itu sikap kami.

"Kalau pihak mereka dan kerajaan mahu terus membenarkan konsert, kita tidak boleh buat apa-apa. Kita tiada kuasa untuk menghalang dan tiada kuasa untuk membatalkan," katanya lagi.

The Malaysian Insider

Hakcipta © 2011 The Malaysian Insider

Source:

<http://www.themalaysianinsider.com/bahasa/article/isu-elton-john-pemuda-pas-bukan-taliban-an-malah-tidak-tiru-cara-taliban/>